



PEMANDU lori direman tiga hari bagi membantu siasatan.

KEMALANGAN BABIT 12 KENDERAAN DI TAMBAK JOHOR HALA SINGAPURA

DREBAR ADA 33 SAMAN

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang pemandu lori yang terbabit dalam kemalangan membatikan 12 kenderaan di Tambak Johor menghala Singapura kelmarin, mempunyai 33 rekod saman lampau atas pelbagai kesalahan trafik.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat dalam satu kenyataan semalam berkata, suspek yang juga lelaki warga tempatan mempunyai enam saman masih belum dijelaskan.

“Hasil ujian saringan awal air kencing terhadap suspek mendapati dia negatif daripada sebarang jenis dadah,” katanya.

Sementara itu, lelaki terbabit direman tiga hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes terbabit.

Perintah reman itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Johor Bahru, Melody Woon Sze Mun terhadap lelaki be-

rusia 34 tahun terbabit.

Kes disiasat mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Terdahulu, lelaki yang memakai baju-T hitam dan berseluar jeans biru tiba di pekarangan mahkamah dalam keadaan tangan bergari, jam 10 pagi.

Lelaki terbabit turut menutup wajahnya dengan baju bagi mengelak dirakam pengamal media yang hadir membuat liputan.

Pada kejadian jam 9.25 pagi kelmarin, 11 kenderaan dirempuh lori dipandu lelaki itu yang didakwa hilang kawalan kerana mengalami masalah teknikal pada brek.

Kemalangan membatikan sebuah lori, sebuah bas, sebuah van dan sembilan kereta dengan enam daripadanya adalah kenderaan tempatan manakala enam yang lain bernombor pendaftaran negara asing.

Kemalangan bagaimanapun tidak membatikan kehilangan nyawa atau kecederaan, sebaliknya hanya membatikan kerosakan pada kenderaan yang terbabit.